

**KEDUDUKAN DAN IMPLIKASI PERKARA 3(1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN KE ARAH  
MEMARTABATKAN KEDAULATAN ISLAM**

*The Position and Implication of Article 3(1) Federal Constitution: Towards Strengthening the Sanctity of Islam*

MOHD ZUHDI AHMAD KHASASI, Universiti Kebangsaan Malaysia  
AHMAD DAHLAN SALLEH, Universiti Kebangsaan Malaysia  
MOHAMMAD ZAINI YAHAYA, Universiti Kebangsaan Malaysia  
MUHAMMAD ADIB SAMSUDIN, Universiti Kebangsaan Malaysia

**ABSTRAK**

*Islam bukan sekadar agama ritual, tetapi ia merupakan al-din iaitu satu sistem yang lengkap, berimbang dan menyeluruh dalam menyusun segenap aspek kehidupan. Dalam menelusuri hakikat ini, Tanah Melayu sejak sekian lama telah memperjuangkan ketinggian Islam sehingga akhirnya ia didaulatkan pada Bahagian I di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan (PP). Malangnya, sekalipun peruntukan tersebut sudah jelas dikanunkan, namun masih mendapat pentafsiran berbeza sehingga memberi implikasi yang berlainan daripada tujuan sebenar pemaklumannya. Malah, keputusan mahkamah yang membabitkan Perkara 3(1) PP juga setakat ini hanya membantu sedikit sahaja, kecuali dalam beberapa keputusan mahkamah yang mutakhir. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menilai kedudukan dan implikasi Perkara 3(1) PP dengan cara membebaskan tafsiran sempit di bawah belunggu penjajah kepada tafsiran yang jelas sebagaimana ia dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan bersesuaian dengan keluasan konsep Islam yang komprehensif dalam mencakupi seluruh aspek kehidupan sekali-gus mengangkat unsur-unsur tradisi Tanah Melayu yang telah sekian lama mendaulatkan Islam sebagai agama negeri-negeri. Bagi mencapai objektif tersebut, kaedah kualitatif berdasarkan reka bentuk kajian analisis kandungan dimanfaatkan dengan merujuk kepada kajian kepustakaan melalui analisis dokumen yang kemudiannya data-data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Hasilnya, Perkara 3(1) PP jelas menunjukkan bahawa Islam bukan sekadar menjadi agama untuk upacara-upacara keraian atau upacara rasmi sahaja, tetapi Islam menjadi agama negara dan seterusnya hendaklah berpengaruh dalam membentuk polisi pentadbiran dan hala tuju negara. Implikasi pengesahan Islam sebagai agama Persekutuan dan penafian pemisahan antara agama Islam dan pentadbiran negara juga telah menuntut anjakan hijrah minda supaya kedaulatan Islam sebagai agama negara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dapat diimplimentasikan secara menyeluruh selaras dengan tuntutan Islam yang sebenar.*

*Kata Kunci: Agama Persekutuan, sekular, Suruhanjaya Reid, adat istiadat agama, Ketertinggian Perlembagaan*

**ABSTRACT**

*Islam is not a ritualistic religion, rather it is al-din, a system that is complete, balanced and comprehensive in planning every aspect of life. The history of Malay Peninsula has fought sanctity of Islam to the extent that it was enshrined in Article 3(1) of the Federal Constitution. Although this provision has been codified in the Federal Constitution, it still receives various interpretations leading to various implications to its purposive meaning. Hence, this article aims to evaluate the position and implication of Article 3(1) of the Federal Constitution by giving interpretation that are free from colonial influences, where it is a much clearer interpretation as codified in the Federal Constitution and in accordance with the comprehensive concept of Islam that encompasses all aspects of life. Furthermore, the interpretation must raise up traditional elements of the Malay Peninsular that previously recognises Islam as state's religion. In achieving this objective, the research methodology applied is qualitative approach based on the library research design. Data collected were then analysed descriptively. The findings showed that Article 3(1) of the Federal Constitution clearly indicates that Islam is not merely a religion for official functions or celebrations but it is the religion of the country that influences the formation of administrative policies as well as the country's vision and mission. The implication of the recognition of Islam as the religion of federation and denial of separation between Islam and national administration has demand to establish thinking that the sanctity of Islam as the national religion as mentioned in the Federal Constitution, can be implemented comprehensively, according to Islamic teaching.*

*Keywords: Federal religion, secular, Reid Commission, religious customs and traditions, the Supreme Constitution*

## PENGENALAN

Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan telah dimasukkan ke dalam Bahagian I Perlembagaan Persekutuan (PP) sekali-gus menunjukkan betapa pentingnya peruntukan tentang Islam dalam struktur Perlembagaan sehingga ia dijadikan sebagai antara struktur asas Perlembagaan (Shamrahayu, 2018). Kedudukan Islam pada darjat yang amat tinggi dalam Perkara 3 PP mencerminkan persetujuan-persetujuan yang dicapai ketika negara memperoleh kemerdekaan (Zainal Zainuddin, 2018). Umumnya, ruang lingkup perbincangan tentang Islam dalam Perlembagaan tidak sama dengan perbincangan tentang Islam di Malaysia kerana perbincangan mengenai kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan lebih bertumpu kepada peruntukan-peruntukan berkenaan tafsiran dan perbahasan mengenai ruang lingkup dan implikasi peruntukan-peruntukan tersebut (Aziz Bari, 2005). Dalam artikel ini, peruntukan berkaitan Islam difokuskan hanya melalui Perkara 3(1) PP dengan turut melihat kepada sejarah pemaktuban Islam dalam Perkara tersebut serta beberapa kes yang relevan bagi membuat analisis bersifat makro untuk memberi gambaran umum tentang tafsiran dan implikasi Perkara 3(1) PP ke arah memartabatkan Islam sebagai agama negara. Tanpa menafikan urusan agama Islam terletak di bawah bidang kuasa negeri dan sultan sebagai ketua agama sekali-gus menjadi autonomi kepada negeri untuk menegakkan syiar Islam, kerajaan Persekutuan juga tidak boleh berlepas tangan kerana hubungan antara Persekutuan dan Negeri dinyatakan secara khusus pada Bahagian VI PP umpamanya Perkara 74 PP yang menuntut kefungasian kedua-dua badan ini untuk saling melengkapi sebagaimana peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan negeri-negeri (Zainul Rijal, 2019).

Di atas prinsip ini, sekalipun kedudukan sultan sebagai ketua agama Islam bagi negeri masing-masing dan Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai ketua agama bagi negeri-negeri tidak beraja (Perkara (2)(3) & (5) PP) (Chamil Wariya, 2010: 293; Khadijah & Mohd Herzali, 2008: 87-88) sehingga semua negeri dalam Persekutuan kecuali Sarawak telah menjadikan Islam sebagai agama negeri (Nazri, 2014; Nazri & Ahmad Hidayat, 2012; Shamrahayu, 2018) yang berbidang kuasa seperti dalam Perkara 74(2) dan Senarai II, Jadual Kesembilan PP (Abdul Hamid, 2002; Wan Ahmad Fauzi, Anisah, & Mohamed Anwar, 2017), artikel ini cuba mencari ruang dengan memfokuskan kepada Perkara 3(1) PP sebagai usaha memartabatkan agama Persekutuan dalam lingkungan yang dibenarkan oleh Perlembagaan. Ini kerana Parlimen juga sebenarnya boleh membuat undang-undang yang berasaskan undang-undang Islam di bawah Senarai Persekutuan sebagaimana dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

(APKI) yang dibuat di bawah tajuk undang-undang perbankan dan insurans. Dalam hal ini, Tun Abdul Hamid (2002) menjelaskan bahawa walaupun undang-undang Islam tidak sepenuhnya dikanunkan dan dikuatkuasakan, ada undang-undang Islam yang turut dipakai oleh orang bukan Islam secara sukarela seperti perbankan Islam dan ini adalah satu perkembangan yang memberangsangkan. Justeru, penerapan undang-undang Islam seperti inilah yang patut diberi keutamaan pada masa kini berbanding tumpuan kepada beberapa kesalahan jenayah. Malah kebanyakan orang keliru sehingga menggagap “undang-undang sivil” itu semuanya bercanggah dengan “hukum syarak” dan begitu juga sebaliknya. Justeru, artikel ini cuba memanfaatkan ruang yang tersedia melalui Perkara 3(1) PP ke arah memartabatkan Islam di peringkat Persekutuan dalam lingkungan yang dibenarkan.

## METODOLOGI

Persoalan kajian dirungkai melalui kaedah kualitatif berdasarkan reka bentuk kajian analisis kandungan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan melalui tiga sumber data maklumat iaitu data primer, data sekunder dan data tertier. Data primer yang menjadi dasar untuk menjawab persoalan kajian ini ialah Perlembagaan Persekutuan. Manakala data sekunder yang menjadi pemangkin kepada pemahaman tentang kedudukan dan implikasi Perkara 3(1) PP pula adalah buku-buku berkaitan perundangan dan sejarah Malaysia. Selain itu, data tertier seperti tesis, artikel jurnal, prosiding, kertas kerja, laporan akhbar dan kenyataan internet yang berkaitan dengan persoalan kajian turut digunakan bagi memantapkan lagi kefahaman. Hasil dapatan melalui analisis dokumen berkaitan persoalan kajian dianalisis melalui kaedah deskriptif untuk menghuraikan dan merumuskan kedudukan Islam dalam Perkara 3(1) PP dari sudut tafsiran dan implikasinya ke arah memartabatkan Islam sebagai agama Persekutuan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah satu unsur tradisi yang menyebabkan Islam dikekalkan kedudukannya bersama raja-raja sebagaimana sebelum merdeka (Shamrahayu, 2018). Oleh itu, perundangan dan pentadbiran Islam diletakkan di bawah urusan negeri dan tertakluk kepada perkara-perkara yang disenaraikan dalam Senarai II, Jadual Kesembilan PP (Mohd Khalilullah, t.th.; Abdul Hamid, 2002). Dalam hal ini, bidang kuasa jenayah, Mahkamah Syariah juga terhad dan tertakluk kepada undang-undang Persekutuan (Shamrahayu, 2018) sekali-gus menunjukkan bahawa undang-undang Sivil telah menguasai dan mendominasi sistem perundangan di Malaysia (Mohd Khalilullah, t.th.). Malah Perkara

4(1) dan Perkasa 75 PP juga menjelaskan bahawa apa-apa undang-undang termasuk mana-mana undang-undang Negeri yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Dalam keterbatasan artikel ini, peruntukan-peruntukan tersebut sama ada mengenai tafsirannya mahupun masalah-masalah yang berbangkit daripadanya tidak akan didetailkan. Sebaliknya, artikel ini memfokuskan kedudukan Islam menerusi Perkara 3(1) PP serta implikasinya ke arah memartabatkan Islam dalam konteks Persekutuan. Biar pun al-Quran dan al-Sunnah tidak dimaktubkan sebagai sumber hukum tertinggi di Malaysia, namun Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang utama negara telah mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan yang sebenarnya sudah merangkumi hal tersebut atau sekurang-kurangnya membuka ruang untuk Islam dimartabatkan selaras dengan tuntutan agama.

Menurut Ahmad Ibrahim (1983), berpaksikan Perkara 3(1) PP yang mengkanunkan Islam sebagai agama Persekutuan, maka kerajaan mempunyai obligasi untuk memartabat dan melindungi kesucian Islam termasuk larangan penyebaran agama lain ke atas penganut agama Islam (Perkara 11(4) PP). Kerajaan juga mempunyai keistimewaan untuk menubuh atau menyelenggara atau membantu penubuhan atau penyelenggaraan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan untuk mengeluarkan perbelanjaan yang diperlukan untuk tujuan tersebut (Perkara 12(2) PP). Malah kewujudan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terpisah dari Mahkamah Sivil juga menunjukkan pengiktirafan terhadap kedudukan agama Islam (Perkara 121(1A) PP). Hak-hak keistimewaan Islam berbanding selainnya sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan adalah suatu yang wajar kerana merupakan kesan penting untuk menyahut hakikat asal bahawa agama Islam adalah agama bagi Persekutuan (Mohd. Salleh Abas, 1997). Untuk menghujahkan sebagai ketidakpengaruhan Perkara 3(1), maka ia adalah tidak tepat kerana Islam bukan sahaja disahkan oleh Perkara 3(1), sebaliknya ia bertaburan melalui pelbagai peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Negeri-negeri (Shamrahayu, 2018). Sekurang-kurangnya, Perkara 3(1) PP dan selainnya membolehkan undang-undang mengenai agama Islam dibuat, aktiviti-aktiviti mengenai agama Islam dilakukan dan dibiayai oleh kerajaan dalam lingkungan yang dibolehkan oleh Perlembagaan. Sama ada peruntukan-peruntukan itu membuahkan hasil atau tidak, ia terletak kepada apa yang dilakukan dalam lingkungan yang dibolehkan oleh Perlembagaan (Abdul Hamid, 2002). Justeru, Perkara 3(1) merupakan asas kepada peruntukan-peruntukan lain mengenai Islam yang sewajarnya diperhalusi dari

segi sejarah pemaktubannya serta kedudukan dan implikasinya ke arah mencari ruang untuk Islam dimartabatkan di peringkat Persekutuan.

#### a. Sejarah Ringkas Pemaktuban Islam dalam Perlembagaan Persekutuan

Mengikut catatan sejarah, Islam dalam undang-undang negeri sudah terpahat dalam lipatan sejarah dan sudah termaktub dalam Undang-Undang Melayu Lama bahawa lebih enam kurun lamanya agama Islam sudah terpasak sebagai undang-undang watan dalam sistem pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Lama di bawah pemerintahan Raja-raja Melayu, jauh begitu lama sebelum kehadiran bangsa asing pertama iaitu Portugis di Melaka (Zainal Zainuddin, 2018). Jika disandarkan pada Batu Bersurat Terengganu, kedaulatan Kerajaan Melayu yang berteraskan ajaran Islam telah bertapak kukuh sejak kurun ke-13. Fakta ini diteguhkan lagi melalui pemakaian kanun-kanun Negeri-Negeri Melayu yang berlandaskan hukum Syarak (Mahamad Naser, t.th.). Perlembagaan bertulis moden yang paling awal di Tanah Melayu ialah Perlembagaan Negeri Johor yang dimasyhurkan pada tahun 1895 dan Terengganu pada tahun 1911 dengan masing-masing memperuntukan Islam sebagai agama negeri melalui Perkara VII Perlembagaan Negeri Johor dan Peruntukan Bab 51 Perlembagaan Negeri Terengganu (Abdul Halim, 2015; Abdullah, 2006; Ahmad Ibrahim, 1983; Nazri, 2014; Shamrahayu, 2018). Asas perlembagaan bertulis yang ditunjukkan oleh Perlembagaan Johor dan Terengganu ini menjadi perintis kepada kemunculan perlembagaan negeri-negeri lain di Tanah Melayu yang turut memaktubkan Islam sebagai agama negeri (Nazri, 2014).

Percubaan British untuk menjajah Tanah Melayu melalui gagasan Malayan Union pada tahun 1946 telah gagal apabila dibantah keras oleh orang Melayu ketika itu (Mahamad Naser, t.th.). Ini kerana di bawah Malayan Union, segala kuasa terletak pada Gabenor termasuk hak untuk membatalkan keputusan Majlis Perundangan. Sementara itu, kuasa Raja-raja Melayu dihadkan kepada perkara berkaitan Islam dan adat resam Melayu sahaja (Mohd Rizal & Shamrahayu, 2014). Malahan undang-undang berkaitan Islam dan adat Melayu juga memerlukan kelulusan Gabenor (Abd. Manaf, 2009; B. Simandjuntak, 1985). Justeru, orang Melayu bangkit menentang dan kemuncaknya Kongres Melayu Pertama diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 dan telah berjaya menggabungkan 41 buah pertubuhan Melayu yang menggesa Malayan Union dimansuhkan (Abd. Manaf, 2009; *Malaysia Kita*, 1994; Mohd Rizal & Shamrahayu, 2014). Hasil kongres ini dan sokongan daripada Istana Johor, maka United Malays National Organisation (UMNO) diasaskan pada 11 Mei 1946 di bawah

pimpinan Onn Jaafar (Abd. Manaf, 2009; B. Simandjuntak, 1985). Disebabkan tentangan orang Melayu khususnya peranan yang dimainkan oleh UMNO, maka Malayan Union terpaksa dibubarkan dan digantikan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 (Abd. Manaf, 2009; Ma'rof, 1999; Mohd Rizal & Shamrahayu, 2014; Nazri, 2014).

Ketika rundingan kemerdekaan, secara kronologinya sejarah pemaktuban Islam dalam Perlembagaan Persekutuan bermula dengan tindakan UMNO memasukkan usul Islam dalam Memorandum Perikatan yang dihantar kepada Suruhanjaya Reid pada 25 September 1956 (Mohamed Anwar et al., 2017). Pada mulanya, Raja-raja Melayu enggan memperkenankan pemaktuban Islam sebagai agama Persekutuan kerana berpendirian bahawa agama adalah urusan negeri dan harus kekal di bawah kuasa raja bagi setiap negeri. Oleh itu, Suruhanjaya Reid tidak menerima cadangan Perikatan kerana menganggap Majlis Raja-Raja Melayu tidak memberi perkenan (Shamrahayu, 2018). Namun semasa melakukan penulisan draf terakhir di Rom, Hakim Abdul Hamid telah mengubah fikiran untuk menerima usul tersebut (Mohamed Anwar et al., 2017). Menurut beliau, selain perkara ini telah diterima sebulat suara oleh Perikatan, terdapat 15 buah negara ketika itu yang telah memperuntukkan agama dalam perlembagaan masing-masing dan ia tidak menyebabkan kesusahan kepada mana-mana orang. Justeru, tidaklah mendatangkan apa-apa bahaya jika peruntukan ini dimasukkan dalam Perlembagaan Tanah Melayu (Aziz Bari, 2005; Abdul Halim, 2015; Ahmad Ibrahim, 1983; Nazri, 2014; Shamrahayu, 2018). Setelah dua hari Laporan Suruhanjaya Reid diterbitkan, Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk membuat semakan terhadap Laporan tersebut (Abdul Halim, 2015; *Malaysia Kita*, 1994; Nazri, 2014).

Melalui perbincangan dalam Jawatankuasa Kerja yang pertama kali diadakan pada 22 Februari 1957, Tunku Abdul Rahman secara konsisten mengusulkan supaya diadakan satu artikel khusus dalam draf Perlembagaan Persekutuan bagi meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan. Usul ini akhirnya diterima ekoran sokongan oleh Pesuruhjaya Tinggi sendiri, iaitu Sir Donald MacGillivray. Walau bagaimanapun, tiada sebarang keputusan dibuat ekoran Raja-raja Melayu masih belum memperkenankannya (Mohamed Anwar et al., 2017). Lantaran itu, Perikatan secara konsisten memberikan jaminan bahawa peruntukan ini tidaklah bermaksud untuk mengganggu kedudukan Raja-raja sebagai ketua agama Islam di negeri mereka sendiri (Ahmad Ibrahim, 1983). Atas keyakinan ini, dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja terakhir pada 27 April 1957, Raja-raja Melayu telah memberi perkenan untuk menerima usul pemaktuban Islam sebagai agama Persekutuan

(Mohamed Anwar et al., 2017; Wan Ahmad Fauzi et al., 2017). Tegas Aziz Bari (2005), kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan penerusan kedudukan yang berakar kepada sejarah. Jelas Mahamad Naser (t.th.), ia bukanlah sesuatu yang asing, sebaliknya ia adalah lanjutan sistem dan unsur-unsur tradisional yang telah wujud sebelum kedatangan British lagi. Tambah Shamrahayu (2018), pemaktuban ini sekadar tranplantasi iaitu di samping mengekalkan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Negeri-negeri, Islam juga diberi pengiktirafan di peringkat Persekutuan.

Seterusnya pada Mei 1957, penulis draf Perlembagaan yang membantu Jawatankuasa Kerja di London ketika itu telah menulis peruntukan berkaitan agama Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana yang ditulis oleh Jawatankuasa Kerja (Abdul Halim, 2015). Setelah itu, draf Perlembagaan Persekutuan diluluskan tanpa sebarang pindaan mengenai Perkara 3(1) melalui perbahasan dalam House of Commons pada 9 dan 12 Julai 1957, House of Lords pada 29 Julai 1957 (Mohamed Anwar et al., 2017; Wan Ahmad Fauzi et al., 2017) dan Dewan Undangan Persekutuan pada 10 dan 11 Julai 1957 (Abdul Halim, 2015). Seterusnya, Rang Undang-undang Perlembagaan tersebut dibawa menghadap Ratu Britain, Queen Elizabeth II untuk mendapat perkenan Baginda. Ekoran itu, draf tersebut menjadi Akta Kemerdekaan Persekutuan Malaya yang diberikan bersama dengan *Orders in Council* yang membebaskan Negeri-negeri Selat daripada penjajahan British (Wan Ahmad Fauzi et al., 2017). Maka dengan ini, peruntukan Perkara 3(1) PP yang mengisytiharkan bahawa 'Islam ialah agama bagi Persekutuan' membayangkan apa yang telah dipertahankan oleh orang Melayu sepanjang masa, malah sebelum kuasa British masuk ke Malaysia (Salleh Abas, 1997). Kedudukan ini turut diterima pakai dalam penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 dan kekal dipertahankan hingga kini (Chamil, 2010). Justeru, ketinggian Islam dalam Perlembagaan sudah pasti mempunyai implikasi besar terhadap hala tuju negara.

#### b. Kedudukan dan Implikasi Islam dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan

Perkara 3(1) PP telah mendaulatkan Islam sebagai agama Persekutuan (Khairul Azhar & Rusydi, 2016) sekali-gus memartabatkan Islam sebagai agama negara (Nur Farhana & Nur Solehah, 2018). Bersandarkan kepada ketinggian kedudukan Islam, maka Perkara 37(1) PP telah mewajibkan Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah untuk memelihara agama Islam pada setiap masa (Shamrahayu, 2018). Justeru, berpaksikan kepada kedudukan Islam sebagai agama negara dan komitmen ketua utama negara, segala agenda negara sama ada dalam bentuk dasar mahupun perundangan perlu berpaksikan kepada prinsip Islam dan tidak

boleh sama sekali menyanggahi ketinggian agama negara (Mahamad Naser, t.th.). Implikasinya, Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah satu isu yang penting kerana ia berkait rapat dengan kepercayaan dan pegangan majoriti penduduk Malaysia. Ternyata isu berkaitan Islam merupakan suatu yang sangat sensitif kerana orang Melayu merasakan bahawa agama tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian mereka (Nazri, 2014). Oleh itu, apabila membicarakan isu agama yang sensitif, satu pertimbangan yang teliti dan bijaksana perlu dilakukan bagi mengelakkan daripada berlaku ketegangan (Noraini, t.th.).

Dalam hal ini, pentafsiran provokatif terhadap peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan harus dijaui. Ini kerana, walaupun ketinggian Islam sebagai agama negara sudah jelas dalam Perlembagaan, namun negara masih lagi dibelenggu dengan fahaman salah mengenainya (Mahamad Naser, t.th.). Perkara 3 ini cuba diberi makna yang sempit dari sudut perundangan. Namun, pengaruh Islam dalam negara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan sendiri telah membuktikan kedudukan Islam adalah penting dalam pemerintahan Malaysia. Perkara 150(6A) PP iaitu “Fasal (5) tidak boleh memperluas kuasa Parlimen mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu...” jelas membuktikan bahawa Islam terus dipelihara sekalipun dalam keadaan darurat yang memberi kuasa yang sangat luas kepada pihak eksekutif (Nazri, 2014; Shamrahayu, 2018). Jelas Aziz Bari (2005), Perkara 150(6A) PP agak menarik kerana dari satu segi, Perkara 3(4) PP iaitu “Tiada apa-apa jua dalam ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini” kelihatan hendak memenjarakan Islam dalam lingkungan tertentu, manakala Perkara 150(6A) PP pula seperti hendak melindungi kedudukan Islam. Ringkasnya, Aziz Bari (2005) menjelaskan bahawa perbincangan mengenai kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan perlu meneliti peruntukan-peruntukan di bawah Perkara 3, 11(4), 12(2) dan 150(6A) PP. Tambah Shamrahayu (2018), begitu juga Perkara 121(1A), 5(4) serta 37 PP dan Jadual Keempat. Malah, peranan Yang di-Pertuan Agong dalam menjaga kedudukan Islam juga boleh dimasukkan dalam ruang lingkup Perkara 153 PP berkaitan melindungi hak istimewa orang Melayu kerana, Islam dan Melayu tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan (Perkara 160(2)).

Namun bersesuaian dengan limitasi artikel ini, maka Perkara 3(1) PP yang secara langsung menyentuh kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan sahaja (Aziz Bari, 2005) yang akan dibahaskan dalam artikel ini. Pemilihan perkataan ‘Islam ialah agama bagi Persekutuan’ dalam Perkara 3(1) PP (Perlembagaan Persekutuan, 2010) telah memberikan taraf yang cukup istimewa buat agama Islam. Tegas Mahamad Naser (t.th.), ramai

yang salah tanggap sehingga menyifatkan Islam sekadar agama rasmi, sedangkan ungkapan rasmi ini sekadar tambahan yang jauh tersasar dari kedudukan yang sebenar sekali-gus mengelirukan sehingga ada yang mendakwa bahawa ‘Malaysia adalah negara sekular dengan Islam sebagai agama rasmi.’ Hakikatnya perkataan sekular dan rasmi tidak wujud sama sekali dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Nazri (2014), ‘Islam ialah agama bagi Persekutuan’ juga seperti mengisyaratkan bahawa Islam menjadi tunjang kepada falsafah atau ideologi negara. Tegas Aziz Bari (2005), oleh kerana peruntukan ini merujuk kepada Islam, boleh dihujah bahawa keseluruhan peruntukan ini harus dilihat dalam konteks Islam. Menurut Shamrahayu (2018), perkataan ‘ialah’ dan bukan perkataan ‘hendaklah’ merupakan satu penegasan fakta tentang keadaan yang berterusan sebelum merdeka di mana Islam telah sebatu dan diterima sebagai agama bagi negeri-negeri yang membentuk Persekutuan.

Oleh itu, kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan cukup istimewa kerana hanya agama Islam sahaja disebut dalam Perlembagaan Persekutuan dan diangkat menjadi agama persekutuan. Malah hanya orang Islam sahaja yang mempunyai mahkamah agamanya, diperuntukkan hanya ketua agama bagi agama Islam sahaja dan hanya undang-undang agama Islam sahaja yang boleh dijadikan undang-undang untuk dipakai terhadap orang-orang Islam, sedangkan undang-undang agama lain tidak disebut boleh dibuat untuk dipakai oleh penganut-penganut agama itu (Abdul Hamid, 2002). Walau bagaimanapun, tafsiran Islam dalam Perlembagaan telah sekian lama diperdebatkan sehingga ke hari ini. Tafsiran tersebut boleh dirujuk dari dua sudut iaitu tafsiran mahkamah dan pandangan sarjana. Mekanisme tafsiran utama dan mengikat ialah tafsiran yang dibuat oleh mahkamah. Manakala tafsiran pakar undang-undang pula tidak mengikat, tetapi boleh dijadikan capaian atau bantuan kepada mahkamah atau mereka yang mahu memahami Perlembagaan (Shamrahayu, 2018). Aziz Bari (2005) turut sama berpendapat bahawa sebenarnya sesiapa sahaja yang mempunyai kepakaran boleh membuat tafsiran Perlembagaan kerana ia bukanlah hak mutlak mahkamah. Malah mahkamah sendiri tidak selalunya tepat dalam tafsiran yang dibuat. Namun begitu, dalam konteks melaksanakan hak dan tanggungjawab, peranan dan kuasa mahkamah adalah penting kerana pandangan selainnya tidak boleh dikuatkuasakan.

Terdapat dua pandangan mengenai kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Pandangan pertama mengatakan bahawa perkataan ‘Islam’ yang termaktub dalam Perkara 3(1) PP hanya terhad kepada perkara upacara dan adat istiadat agama seperti yang diputuskan dalam kes *Che Omar bin Che Soh Iwn Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 55. Dalam kes ini telah dihujahkan bawa hukuman mati

mandatori di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Senjata Api 1974 adalah bertentangan dengan Islam yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan dengan sendirinya undang-undang yang bercanggah dengan Islam adalah terbatal. Dalam hubungan ini, Mahkamah Agong menyatakan bahawa perkataan 'Islam' yang terdapat dalam Perkara 3(1) PP adalah hanya terhad kepada upacara dan adat istiadat Islam (Aziz Bari, 2005; Nazri, 2014). Menurut Shamrahayu (2018), keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Agong dalam kes ini tidaklah mutlak meletakkan sifat sekular negara, ia cuma memutuskan bahawa undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang Islam masih lagi sah. Sebelum dari kes ini, dalam kes *Wong Ah Fook lwn State of Johore* [1937] MLJ 128, mahkamah telah cuba memberi tafsiran kepada Perkara 57 Perlembagaan Johor iaitu Islam adalah agama rasmi negeri Johor. Namun begitu, mahkamah telah menolak dakwaan pihak pembela yang mendakwa negeri Johor adalah diperintah menurut undang-undang Islam (Aziz Bari, 2005; Abdul Monir, 1996; Ahmad bin Ibrahim, 1983).

Selain keputusan mahkamah, tafsiran pakar undang-undang yang menyokong pandangan ini turut boleh dilihat antaranya melalui pandangan yang diberikan oleh sarjana seperti Sheridan dan Groves (1979). Mereka mengatakan bahawa peruntukan berkenaan Islam adalah bertujuan untuk memberikan Malaysia sifat dan ciri Muslim yang umumnya bersifat luaran dan untuk upacara rasmi negara yang tiada mempunyai apa-apa kesan undang-undang (Wan Ahmad Fauzi et al., 2017). Menurut Mahamad Arifin (1999), sekalipun Perlembagaan Persekutuan menyebut Islam sebagai Agama Persekutuan, tetapi sebenarnya undang-undang Islam tidaklah menjadi undang-undang tertinggi negara kerana sebarang undang-undang yang hendak dibuat adalah tertakluk kepada Perkara 4(1) PP iaitu tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan (Abdul Halim, 2009). Jelas Nazri, (2014), memang inilah tujuan British untuk mengecilkan peranan Islam dalam sistem pentadbiran negara yang menyebabkan kedudukan Islam itu dalam bidang tertentu sahaja iaitu tidak bersifat menyeluruh. Dalam hal ini, Abdul Halim al-Muhammady (1991) menjelaskan bahawa pengiktirafan Islam tidak memberi erti yang berkesan dalam pentadbiran negara, kerana agama Islam yang dimaksudkan itu adalah sama kedudukannya dengan pengertian agama Kristian. Hasilnya, pengiktirafan Islam sebagai agama negara dalam Perlembagaan Persekutuan tidak bererti Malaysia adalah sebuah negara Islam (Nazri, 2014).

Perenggan 169 Laporan Suruhanjaya Reid jelas menunjukkan bahawa Suruhanjaya telah menolak cadangan memasukkan peruntukan mengenai Islam sebagai agama Persekutuan atas permintaan Raja-raja Melayu yang bimbang kuasa-

kuasa mereka sebagai ketua agama Islam di negeri terjaja (Shamrahayu, 2018). Baginda sekalian telah diberitahu oleh para penasihat Perlembagaan bahawa jika Persekutuan mempunyai agama, Ketua Negara yang dicadangkan bagi Persekutuan secara logiknya akan menjadi ketua bagi agama Islam di seluruh Persekutuan dan ini akan bertentangan dengan kedudukan setiap orang raja sebagai ketua agama Islam di negerinya sendiri (Ahmad Ibrahim, 1983). Namun, memorandum Perikatan menuntut agar peruntukan ini dimasukkan dan menjelaskan bahawa sekalipun peruntukan mengenai Islam diadakan, ia tidak akan mengubah Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara sekular (Nazri, 2014). Malah inilah pemahaman umum tokoh-tokoh politik Perikatan dan sarjana undang-undang berkaitan Perkara 3(1) PP di mana ia tidak menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara Islam dan tidak melibatkan pemakaian undang-undang Islam pada peringkat Persekutuan. Peruntukan tersebut lebih bermaksud pengamalan Islam dalam upacara misalnya membaca doa dalam majlis-majlis rasmi seperti Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Hari Kemerdekaan dan majlis yang serupa itu (Abdul Halim, 2015).

Pandangan kedua pula menegaskan bahawa Islam dalam Perlembagaan harus ditafsirkan secara meluas sesuai dengan konsep Islam sebagai satu sistem hidup yang lengkap. Menurut Hashim Yeop A. Sani (1980), Perkara 3 PP sangat jelas dan tidak boleh diputarbelitkan lagi bahawa agama negara ialah Islam. Maka, mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan antara dokumen ciptaan manusia dengan perintah Allah, maka tafsiran itu tidak boleh dipakai (Abdul Halim, 2009). Tafsiran ini turut disokong oleh Ahmad Ibrahim (1996) yang mengatakan bahawa keputusan Mahkamah Agong berkenaan Islam dalam Perkara 3 PP dalam kes *Che Omar bin Che Soh lwn Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 55 adalah sama seperti yang dimaksudkan oleh pihak yang merangka Perlembagaan dan ia adalah akibat pemerintahan langsung oleh British dan wujudnya institusi sekular. Mahkamah tidak cuba mentafsirkan peruntukan ini daripada keadaan Perlembagaan yang telah mewujudkan sebuah negara yang merdeka dan bebas daripada pengaruh penjajah dahulu, akan tetapi menurut sahaja tafsiran yang terpakai dalam masa penjajahan itu (Nazri, 2014). Dalam kes *Meor Atiqurrahman bin Ishak lwn Fatimah bte Shihi* [2000] 5 MLJ 375, YA Mohamed Noor Ahmad, Hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa kedudukan Islam adalah tinggi dan mengatasi agama-agama lain (Aziz Bari, 2005). Tun Ahmad Fairuz dalam Kes *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors* [2007] 3 CLJ 563 turut memutuskan bahawa Islam itu bukan sahaja suatu himpunan dogma-dogma dan ritual-ritual, tetapi ia adalah juga suatu cara hidup yang lengkap merangkumi semua bidang aktiviti

manusia, persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman.

Jika diteliti Perkara-Perkara 11(1), 74(2) dan Butiran 1 dalam Senarai II dalam Jadual Kesembilan PP, akan ketara bahawa Islam itu meliputi antara lainnya undang-undang Islam (Wan Ahmad Fauzi et al., 2017). Implikasi kaedah yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Meor Atiqurrahman bin Ishak lwn Fatimah bte Shihi* [2000] 5 MLJ 375 dan kes *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors* [2007] 3 CLJ 563 juga telah membuka seluas-luasnya pintu untuk Islam ditafsirkan bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana, sekalipun kedudukan Perlembagaan Persekutuan sebagai yang tertinggi di Malaysia, namun acuannya mempunyai unsur-unsur keislaman. Walaupun tidak disebutkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber hukum tertinggi di Malaysia, tetapi agama Islam sebagai agama Persekutuan juga sebenarnya sudah merangkumi hal yang demikian atau sekurang-kurangnya memperuntukkan usaha ke arah yang demikian (Mohd Khalilullah, t.th.). Malah Mohamed Anwar, Wan Ahmad, Mat Zin dan Junaidi (2017) turut menegaskan bahawa Perlembagaan Persekutuan bukanlah untuk mengadakan perlembagaan sekular dan juga bukan untuk tujuan upacara. Apa yang termaktub dalam Memorandum Perikatan (1956) kepada Suruhanjaya Reid hanyalah satu helah berhemah untuk mengelakkan daripada bantahan Raja-raja Melayu yang tidak memberi perkenan bagi dimaktubkan Islam dalam Perlembagaan di peringkat Persekutuan ekoran melampaui kedudukan mereka sebagai ketua agama Islam di negeri.

Fakta ini turut dibuktikan melalui keseriusan UMNO yang bukan sekadar mengusulkan tetapi juga menjalankan langkah-langkah susulan secara berterusan sekalipun terpaksa menghadapi cabaran dari pihak Istana dan pihak British. Tujuan tersirat ini jelas dapat dilihat pada hasil akhir perjuangan tersebut iaitu termaktub Islam dalam Perlembagaan yang melarang pengembangan apa-apa kepercayaan agama selain Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam (Perlembagaan Persekutuan 2010). Selain itu, kerajaan pusat juga telah mengadakan pelbagai kegiatan untuk membangunkan syiar Islam di peringkat Persekutuan, termasuk menubuhkan Jabatan Hal-ehwal Agama Islam, membina begitu banyak masjid, menubuhkan Pusat Islam dan membantu NGO Islam seperti PERKIM. Justeru, adalah tidak munasabah UMNO berjuang untuk mengadakan perlembagaan sekular dan menjadikan Islam hanya untuk tujuan upacara kerana untuk mengadakan perlembagaan sekular dan menjadikan Islam hanya untuk tujuan upacara tidaklah memerlukan mana-mana pihak melakukan perjuangan (Mohamed Anwar et al., 2017). Tegas Shamrahayu (2018),

kesan daripada penegasan Perkara 3(1) PP ini jelas menunjukkan bahawa Islam bukan menjadi agama untuk upacara-upacara keraian atau upacara rasmi sahaja, tetapi Islam menjadi agama negara dan seterusnya hendaklah berpengaruh dalam membentuk polisi pentadbiran dan hala tuju negara.

Pandangan yang sama turut diutarakan oleh Aziz Bari (2005) di mana beliau menegaskan bahawa sifat utama negara sekular ialah sebuah negara yang tidak mahu dikaitkan dengan apa pun bentuk agama dan kerohanian. Tambah Nazri (2014), negara sekular menghalang penyertaan negara dalam soal-soal agama termasuk kedudukan istimewa dan bantuan kewangan. Fakta ini jelas tidak menepati ciri-ciri Malaysia yang mengangkat Islam sebagai agama Persekutuan yang bukan sekadar hanya dari sudut upacara, sebaliknya merentasi pelbagai bidang termasuk ekonomi seperti yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) yang telah menggabungkan dan menggantikan Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984. Menurut Shamrahayu (2018), penafsiran sekular sebagai pengasingan antara agama dan negara akan menafikan peruntukan-peruntukan lain dan ia tidak boleh berlaku kerana Tanah Melayu tidak pernah menafikan mana-mana agama terutamanya Islam yang begitu sinonim sejak sekian lama dengan Tanah Melayu. Seandainya sekular ditafsirkan sebagai menolak amalan teokrasi berdasarkan pengalaman Eropah, maka implikasinya Islam diterima sebagai agama negara, tetapi Islam tidak ditadbir oleh *Godly men* secara mutlak. Dalam hal ini, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berpelembagaan yang secara langsung menjadikan Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara yang tidak menafikan agama. Penafsiran sebegini boleh diterima kerana Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf Islam sebagai agama negara di samping agama lain bebas diamalkan secara aman damai dan pada masa yang sama turut menghormati konsep ketertinggian Perlembagaan.

Realitinya, Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut istilah 'sekular' dalam mana-mana peruntukannya melainkan dalam Kertas Putih sahaja iaitu dalam Laporan Suruhanjaya Reid (1957). Menurut Nazri (2014), keadaan ini disebabkan faktor sejarah sewaktu perundingan kemerdekaan di mana orang bukan Islam terutamanya British sangat bimbang terhadap tuntutan melaksanakan Islam. Justeru mereka mahukan jaminan bahawa perisytiharan Islam sebagai agama Persekutuan tidak mengancam sifat sekular negara ini. Di samping itu, ia juga bertujuan menjaga hati orang bukan Islam dalam Perikatan. Oleh demikian, Ahmad Ibrahim (1995) merumuskan bahawa ekoran ketiadaan sebutan negara sekular dalam Perlembagaan Persekutuan, maka dihujahkan bahawa, oleh kerana Islam adalah agama

Persekutuan, ini membolehkan ajaran Islam dimasukkan dan diterapkan dalam politik negara. Malah Shamrahayu (2018) menegaskan bahawa kerangka dan pengisian Perlembagaan sedia ada mampu menampung sistem Islam. Dari sisi lain, harus difahami bahawa bidangkuasa Suruhanjaya Reid hanya setakat mencadangkan sebuah Perlembagaan berdasarkan terma rujukan yang disediakan. 'Legal entity' Suruhanjaya Reid sebagai 'the drafter of the proposed constitution' hendaklah dibezakan dengan kuasa Raja-raja Melayu dan Ratu British sebagai 'the maker of the Constitution'. Justeru, setelah Raja-raja Melayu memperkenankan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka frasa "shall not imply that the State is not a secular State" sudah ditolak oleh Jawatankuasa Kerja dan tidak dimasukkan dalam draf Perlembagaan 1957. Ini menunjukkan frasa ini tidak wajar dijadikan satu hujah atau asas pentafsiran Perkara 3 (Wan Ahmad Fauzi et al., 2017).

#### c. Kedaulatan Islam sebagai Agama Persekutuan

Melihat kembali kepada Perlembagaan Persekutuan, sekilas pandang terhadap sejarah penggubalan serta kandungannya, maka boleh dirumuskan bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak diasaskan daripada Perlembagaan Islam yang sebenar. Ini kerana, sumber rujukan utama agama tidak diperuntukkan dalam mana-mana bahagian dalam Perlembagaan. Malah takrif 'undang-undang' yang terkandung dalam Perkara 160 PP juga tidak menyebut undang-undang Islam (Ahmad Ibrahim 1983). Tegas al-Mawdudi (1981), Perlembagaan Islam ialah suatu perlembagaan yang mendaulatkan empat sumber utama dalam pemerintahan negara iaitu al-Quran, Sunnah, amalan Khulafa al-Rasyidin dan pandangan para mujtahid. Tidak kurang juga ramai yang menolak Perlembagaan Persekutuan kerana berhujahkan sejarah penggubalannya yang dipelopori oleh satu suruhanjaya asing yang diketuai dan dianggotai oleh pakar-pakar perundangan yang terdiri daripada orang-orang bukan Islam kecuali seorang sahaja yang beragama Islam iaitu Hakim Abdul Hamid dari Pakistan. Lantaran itu, Nazri (2014) menjelaskan bahawa Suruhanjaya ini tidak menjadikan prinsip dan pemerintahan Islam sebagai rujukan, tetapi sekadar berpandukan kepada apa yang dikatakan sebagai pemerintahan cara *Westminster*. Tafsiran simplistik sebegini mampu memberikan implikasi negatif terhadap Malaysia sehingga banyak undang-undang dan pelaksanaan hukum-hukum Islam turut terbantut hanya dengan alasan bahawa negara ini adalah negara sekular yang sekadar mendaulatkan prinsip Ketertinggian Perlembagaan. Justeru dalam konteks pemahaman umum terhadap tafsiran simplistik ini, tampil sarjana-sarjana Islam tempatan yang cuba mengharmonikannya.

Tegas Siddiq Fadzil (2015), Perlembagaan Persekutuan hanya menyebut Islam sebagai agama

Persekutuan, tanpa menyebut Malaysia sebagai negara sekular atau negara Islam. Menyedari bahawa meminda Perlembagaan adalah suatu yang sukar dilakukan, maka dari segi masalah perjuangan Islam, sebaiknya kita tidak usah ikut-ikutan melabel Malaysia sebagai negara sekular, kerana perkataan 'sekular' akan membawa banyak implikasi buruk. Yang harus dilakukan ialah memanfaatkan segala ruang yang ada semaksimumnya, di samping berusaha membina kekuatan. Ahmad Ibrahim (1995) turut senada dengan kenyataan ini. Jelas beliau, dalam kesukaran ini umat Islam perlu bertindak secara positif dengan menggunakan Perlembagaan Persekutuan supaya prinsip Islam dapat ditegakkan dan pada masa yang sama mengambil kira kepentingan semua kaum dan bangsa di Malaysia. Jelas Tun Abdul Hamid Mohamad (2002), nama rasmi Malaysia seperti yang tersebut dalam Perlembagaan Persekutuan hanyalah 'Malaysia' tanpa memakai perkataan 'Islam' seperti Pakistan dan Iran. Namun pemakaiannya sematamata tidak menjadikan Pakistan dan Iran 'lebih Islam' daripada selainnya. Justeru, peruntukan-peruntukan mengenai Islam dalam Perlembagaan Persekutuan perlu dimanfaatkan untuk membuat sesuatu ke arah memperkukuhkan Islam sebagai agama negara dalam lingkungan yang dibolehkan oleh Perlembagaan. Biar apa pun peruntukan yang ada dalam Perlembagaan, jika tidak dimanfaatkannya, tidak akan memberi apa-apa kesan, sama seperti al-Quran yang cuma disimpan dalam almari.

Pendekatan konstruksi harmoni sebegini dengan tujuan mendaulatkan ketinggian Islam melalui ruang-ruang yang tersedia dalam Perlembagaan Persekutuan adalah satu pendekatan realistik yang harus dipuji. Namun pada masa yang sama, ketegasan dalam memartabatkan Islam berdasarkan tafsiran Perlembagaan yang sebenar berdasarkan kronologi sejarah Islam di Tanah Melayu serta proses pembentukan dan pemaktuban Islam dalam Perlembagaan perlu terus ditekuni. Tanggapan-tanggapan salah yang telah sekian lama sebatu dalam pemikiran rakyat Malaysia seperti dakwaan Islam sekadar agama rasmi Persekutuan atau Malaysia sebagai sebuah negara sekular perlu diperbetulkan. Ini kerana perkataan rasmi dan sekular tidak wujud sama sekali dalam Perlembagaan. Malah penambahan perkataan-perkataan tersebut telah mengelirukan. Begitu juga dakwaan bahawa Perlembagaan ini dibentuk oleh suruhanjaya yang majoritinya adalah bukan Islam sehingga menyebabkan pemaktuban Islam dalam Perlembagaan sekadar tempelan yang terbatas kepada upacara-upacara rasmi sahaja perlu disemak semula. Ini kerana sejarah pemaktuban Islam dalam Perlembagaan telah jelas membuktikan bahawa ia adalah hasil perjuangan orang Islam dalam mendaulatkan Islam sebagai agama negara. Perjuangan konsisten warga Melayu dalam



mendaulatkan Islam ini telah diterima dan dipersetujui oleh semua kaum. Malah perbezaan awal antara Majlis Raja-Raja dan Perikatan mengenai kedudukan Islam juga adalah untuk mendaulatkan ketinggian agama. Dalam konteks ini, perlu difahami bahawa bidang kuasa Suruhanjaya Reid hanya setakat mencadangkan sebuah Perlembagaan berdasarkan terma rujukan yang disediakan.

Justeru, kedudukan Suruhanjaya Reid yang ditugaskan untuk mengesyorkan teks perlembagaan perlu dibezakan dengan kedudukan dan kekuasaan Raja-raja Melayu dan Ratu British sebagai kuasa pembuat perlembagaan. Oleh itu, setelah Perlembagaan Persekutuan dimuktamadkan dengan perkenan Raja-raja Melayu untuk memuktamadkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka frasa berkaitan negara sekular juga sudah ditolak oleh Jawatankuasa Kerja dan tidak dimasukkan dalam draf Perlembagaan 1957 sekali-gus menunjukkan frasa ini tidak wajar dijadikan satu hujah pentafsiran terhadap kedudukan Islam dalam Perkara 3. Implikasinya, tradisi pengiktirafan Islam sebagai agama negara perlu disuburkan kembali setelah mengalami ketandusan pada zaman penjajahan. Oleh itu, pentafsiran kabur berpaksikan andaian perlu ditolak, sebaliknya pentafsiran yang jelas sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan perlu diperkukuh semula melalui penghayatan dan pengamalan dalam seluruh aspek kehidupan sebagaimana ditegaskan oleh Tun Ahmad Fairuz (2007) bahawa Islam itu bukan sahaja suatu himpunan dogma-dogma dan ritual-ritual, tetapi ia adalah juga suatu cara hidup yang lengkap merangkumi semua bidang aktiviti manusia, persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman. Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (2019) turut menitahkan bahawa Islam bukan sekadar sebuah agama yang eksklusif untuk kumpulan tertentu, malah ia merupakan cara hidup yang universal dan membawa rahmat buat sekalian alam.

Salah tanggapan terhadap kedudukan Islam lebih rendah dari Perlembagaan juga perlu dikaji lagi. Ini kerana Perkara 4(1) berkaitan Ketinggian Perlembagaan sama sekali tidak menafikan kedudukan tinggi Islam sebagai agama negara, malah keistimewaan Islam jelas didaulatkan melalui Perkara 3(1) dan diperkukuh melalui pelbagai peruntukan lain dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga Negeri-negeri. Tegas Mahamad Naser (t.th.), 'kenapa kita perlu menjunjung prinsip sekular Barat yang langsung tidak disebutkan dalam Perlembagaan sebagai sebahagian dari undang-undang tertinggi negara, sedangkan peruntukan yang jelas mengenai Islam sebagai agama negara itu adalah perkara yang pertama sekali disebutkan dalam Perlembagaan dan diikrarkan oleh YDPA,

dikesampingkan dan dipinggirkan hingga tidak dianggap sebagai undang-undang tertinggi? Terserlahlah sikap hipokrit kelompok sekular dalam menanggapi kedudukan Islam dalam Perlembagaan mencecah ke tahap pembbohongan yang amat besar dalam sejarah Malaysia moden.' Justeru, satu anjakan perubahan perlu dilakukan bagi membebaskan umat Islam daripada kesan penjajahan. Malah sistem perundangan yang masih bersandarkan kepada undang-undang *Common Law Inggeris* juga perlu ditinggalkan. Ini kerana, tiada sebarang peruntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mewajibkan undang-undang sekular itu diteruskan. Bahkan undang-undang yang membolehkan ia terus bernafas di negara ini selepas Merdeka sebenarnya terletak dalam bahagian *Temporary and Transition* iaitu Akta Undang-undang Sivil 1956 yang hanya membenarkan rujukan kepada Undang-undang Inggeris sekiranya keperluan setempat memerlukan.

Menelusuri sejarah ringkas Akta Undang-undang Sivil 1956, Ahmad Ibrahim (1983) menegaskan bahawa ia merupakan pendekatan British dalam rangka menyekat dan mengecilkan skop pelaksanaan undang-undang Islam. Jelas Abdul Halim (2015), pada tahun 1937, penjajah British memperkenalkan undang-undang sivil di bawah Enakmen Undang-undang Sivil bagi Negeri-Negeri Bersekutu. Bermula saat itu, Negeri-Negeri Bersekutu menerima undang-undang British. Undang-undang tersebut telah diperluas pemakaiannya di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu melalui Ordinan Undang-undang Sivil (perluasan) 1951 sesudah negeri-negeri berkenaan menjadi sebahagian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Pada tahun 1956, kedua-dua undang-undang tersebut telah digantikan dengan Ordinan Undang-undang Sivil 1956 bagi meliputi seluruh Tanah Melayu dan diperluas ke Sabah dan Sarawak pada tahun 1972. Tegas Abd. Manaf (2009), dalam pemerintahan Raja-raja Melayu, ada dua kitab undang-undang yang dikenali sebagai Undang-Undang Melaka yang tersimpan dalam Arkib Negara dan Hukum Kanun Dato' Kota Setar yang tersimpan dalam Muzium Negeri Kedah. Kedua-dua kitab undang-undang ini sangat besar maknanya kepada rakyat Malaysia kerana ia mengandungi undang-undang adat dan undang-undang Islam. Kedua-dua undang-undang ini boleh membantu Ketua Hakim Negara yang berminat menggantikan *Common Law British* dengan *Common Law* tempatan.

Senada dengan desakan ini, Wan Ahmad Fauzi, Anisah dan Mohamed Anwar (2017) turut menegaskan bahawa berpaksikan sejarah perundangan Tanah Melayu yang terbukti negara ini dahulunya adalah sebuah negara Islam, maka sudah tiba masanya perundangan Islam didaulatkan semula sesuai dengan statusnya sebagai '*Law of the Land*'. '*Malaysian Common Law*' sewajarnya

dibina atas prinsip Islam apatah lagi pemakaian unsur watan diakui oleh Akta Undang-undang Sivil 1956. Malah peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 3 juga, menurut Hashim Yeop (1980), sangat jelas dan tidak boleh diputarbelitkan lagi bahawa agama negara ialah Islam. Maka, manamana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan antara dokumen ciptaan manusia dengan perintah Allah, maka tafsiran itu tidak boleh dipakai (Abdul Halim, 2009). Merujuk kepada kes *Che Omar bin Che Soh lwn Public Prosecutor*, Ahmad Ibrahim (1996) mengatakan bahawa keputusan Mahkamah berkenaan kedudukan Islam dalam Perkara 3 sama seperti yang dimaksudkan oleh pihak penjahat tanpa cuba mentafsirkan peruntukan ini daripada keadaan Perlembagaan yang telah mewujudkan sebuah negara yang merdeka (Nazri, 2014). Justeru, berpaksikan kepada prinsip Rukun Negara mengenai 'Keluruhan Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang', Mahamad Naser (t.th.) menyeru umat Islam agar melakukan hijrah minda supaya kedaulatan Islam sebagai agama negara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dilaksanakan selaras dengan ajaran dan pegangan Islam sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah.

Ternyata implikasi penafsiran positif terhadap kedudukan Islam dalam Perlembagaan berpaksikan fakta dan realiti ini akan membuka gerbang untuk negara ini ditadbir menurut prinsip-prinsip Islam. Justeru, Ahmad Ibrahim (1995) menegaskan bahawa Perlembagaan Malaysia perlu dilihat secara positif dan pada masa yang sama, undang-undang Islam harus dikembalikan kepada tempatnya yang asal sebagai undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia kerana ia merupakan agama bagi negara Malaysia. Undang-undang Inggeris yang sudah lapuk dan langsung tidak bertepatan dengan syariat Islam perlu ditinggalkan. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa undang-undang yang tidak bercanggah dengan Islam boleh digunakan. Tegas Zainul Rijal (2018), tidak keterlaluan jika dikatakan Islam bukan sekadar agama, tetapi adalah suatu kultur atau budaya yang mana segala tindak tanduk umatnya diberikan panduan lengkap dan sempurna demi kebaikan sejagat. Begitulah juga halnya dalam konsep ketatanegaraan di mana Islam telah memberikan panduan jelas berdasarkan prinsip-prinsip umum untuk diimplimentasikan. Menurut Mohd. Shauki (2018), dalam kalangan pemikiran tokoh-tokoh ketatanegaraan Islam, doktrin politik berkembang berdasarkan anggapan bahawa agama mempunyai dimensi politik secara lurus atau seiring dengan ritual beragama atau *al-Islam huwa al-din wa al-dawlah* yang membawa kepada satu rumusan bahawa tidak ada pemisahan antara kekuasaan politik dan agama. Agama dan politik bukan sahaja saling memerlukan, bahkan tidak bertentangan.

Politik melindungi agama dan agama mengawal kuasa politik. Justeru, sudah tiba masanya untuk melangkah ke arah memartabatkan Islam sebagai agama negara.

#### KESIMPULAN

Dalam kehangatan perdebatan berpanjangan mengenai status Malaysia sama ada sekular mahupun Islam, tafsiran pihak yang menidakkan Malaysia sebagai negara sekular perlu diutamakan bagi mengelak banyak implikasi buruk. Malah ia juga dapat menyekat hasrat sesetengah pihak yang ingin mengurangkan peranan Islam dalam sistem kenegaraan. Bahkan mendakwa Malaysia sebagai negara sekular juga boleh dianggap sebagai penghinaan kepada Perlembagaan yang memaktubkan Islam sebagai agama negara. Pemaktuban tersebut dengan sendirinya telah mengurangkan ciri-ciri sekular. Malah terdapat banyak peruntukan lain yang turut mendaulatkan Islam sebagai agama negara seperti Perkara 11(4) PP berkaitan sekatan penyebaran agama selain Islam kepada penganut Islam dan Perkara 12(2) PP yang membenarkan penggunaan wang awam untuk menjamin keutuhan Islam. Hasilnya, terdapat tiga implikasi penting daripada Perkara 3(1) PP iaitu pengesahan Islam sebagai agama Persekutuan, penafian pemisahan antara agama Islam dan pentadbiran negara sekali-gus membuka ruang ke arah memartabatkan Islam secara menyeluruh dalam sistem negara.

#### RUJUKAN

- Abd. Manaf Haji Ahmad. 2009. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Halim al-Muhammady. 1991. *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Abdul Halim Ramli. 2009. *Hubungan Kaum Di Malaysia Sejarah Dan Asas Perpaduan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Abdul Halim Ramli. 2015. *DBP Perlembagaan Malaysia: Isu Dan Persoalan Perhubungan Kaum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob. 1996. Kedudukan dan pelaksanaan undang-undang jenayah islam di malaysia. Dlm. Abdul Monir Yaacob & Sarina Othman (pnyt.). *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*, hlm. 81–118. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah @ Alwi bin Haji Hassan. 2006. Pengajian dan pengamalan undang-undang islam di

- malaysia: antara tradisi dengan modeniti. Dlm. Hashim Yaacob & Hamed Mohd. Adnan (pnyt.). *Melayu Islam dan Pendidikan*, hlm. 375–422. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad bin Ibrahim. 1983. Kedudukan islam dalam perlembagaan. Dlm. Tun Mohamed Suffian, H.P. Lee, & F.A Trindade (pnyt.). *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya: 1957-1977*, hlm. 49–80. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad bin Ibrahim. 1999. Prinsip-prinsip perlembagaan islam dalam perlembagaan malaysia. Dlm. Abdul Monir Yaacob (pnyt.). *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, hlm. 145–71. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Mawdudi, Abu al’A’la. 1981. *Tadwin Al-Dustur Al-Islami*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- B. Simandjuntak. 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Chamil Wariya. 2010. *Malaysia Asas Pembinaan Negara Bangsa Institusi Pemerintahan Lambang Kebangsaan*. Yusanani Yushak (pnyt.). Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi beragama dan amalannya di malaysia: rujukan kepada artikel 11 perlembagaan persekutuan malaysia. *Usuluddin* 27(May):81–92.
- Khairul Azhar bin Meerangani, & Rushdi bin Ramli. 2016. Hak asasi non muslim di malaysia menurut perlembagaan persekutuan dan prinsip islam. *Jurnal kemanusiaan* 18–29.
- Ma’rof Redzuan. 1999. Perjuangan mencapai kemerdekaan. Dlm. Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan (pnyt.). *Kenegaraan Malaysia*, hlm. 37–59. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mahamad Naser bin Disa. t.th. Islam agama negara: undang-undang tertinggi negara. 1–20. *Malaysia Kita*. 1994. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Mohamed Anwar Omar Din, Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Mat Zin Mat Kib, & Junaidi Abu Bakar. 2017. Peranan umno menegakkan islam dalam perlembagaan persekutuan: satu kajian secara kronologikal: *Akademika* 87(1):91–109.
- Mohd. Salleh Abas. 1997. *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shauki Abd. Majid. 2018. Siyasah Tidak Ada Pemisahan Politik dan Agama. *Utusan Online*.  
<http://www.utusan.com.my/rencana/utama/siyasah-tidak-ada-pemisahan-politik-dan-agama-1.636377> [20 Februari, 2019].
- Mohd Khalilullah bin Mohd Zaidy. t.th. *Kedudukan Agama Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan*. Bangi, Selangor. [https://www.academia.edu/26043769/KEDUKAN\\_AGAMA\\_ISLAM\\_DALAM\\_PERLEMBAGAAN\\_PERSEKUTUAN](https://www.academia.edu/26043769/KEDUKAN_AGAMA_ISLAM_DALAM_PERLEMBAGAAN_PERSEKUTUAN).
- Mohd Rizal Yaakop, & Shamrahayu A. Aziz. 2014. *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Nazri Muslim. 2014. *Islam Dan Melayu Dalam Perlembagaan Tiang Seri Hubungan Etnik Di Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazri Muslim, & Ahmad Hidayat Buang. 2012. Islam dalam perlembagaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di malaysia. *Jurnal kemanusiaan* 10(2):115–29.
- Noraini Zulkifli. t.th. *Perlembagaan Persekutuan: Rukun Pembentukan Masyarakat Harmoni*. [https://caridokumen.com/download/perlembagaan-persekutuanpdf-\\_5a46d593b7d7bc7b7a2213ef\\_pdf](https://caridokumen.com/download/perlembagaan-persekutuanpdf-_5a46d593b7d7bc7b7a2213ef_pdf).
- Nur Farhana Abdul Rahman, & Nur Solehah Shapiee. 2018. Autoriti agama di malaysia: kedudukan dan kritikan. *International Journal of Islamic Thought* 14(1):72–85.
- Perlembagaan Persekutuan 2010*. Kuala Lumpur: Lawnet, Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Shamrahayu A. Aziz. 2018. *Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: IKIM Press.
- Siddiq Fadzil. 2015. Fiqh Al-Waqi’: Teks Dan Konteks Dalam Pembinaan Fiqh Malaysia. <http://wadahutara.blogspot.com/2015/08/dr-siddiq-fadzil-fiqh-malaysia.html> [18 Januari 2019].
- Tun Abdul Hamid Mohamad. 2002. Kedudukan islam dalam perlembagaan malaysia: kesannya kepada pembangunan negara. Dlm. *Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, Dewan Jubli, Selangor: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, & Mohamed Anwar Omar Din. 2017. Islam agama bagi persekutuan: satu kajian sejarah perundangan. *Akademika* 87(3):179–95.
- Zainal Zainuddin. 2018. Islam dan raja-raja teras kedaulatan negara. Dlm. Abd. Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor, & Baharom Kassim (pnyt.). *Islam Era Malaysia Baharu-Dinamika Wacana Kepelbagaian Cabaran*, hlm. 99–116. Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia dan Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Zainul Rijal Abu Bakar. 2018. Islam bukan sekadar ritual harian. *Utusan Online* .

<http://www.utusan.com.my/mega/agama/islam-bukan-sekadar-ritual-harian-1.653226> [20 Februari 2019].

Zainul Rijal Abu Bakar. 2019. Urusan agama Islam

hak negeri. *ismaweb*.  
<https://www.ismaweb.net/2019/06/16/urusan-agama-islam-hak-negeri/> [23 September 2019].

Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi  
Pelajar Doktor Falsafah  
*dumyatilqadhi@gmail.com*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Ahmad Dahlan Salleh  
*ahmaddahlansalleh@yahoo.com*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Mohammad Zaini Yahaya  
*zainiyahya@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Muhammad Adib Samsudin  
*adib@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Interaksi Mualaf India dengan Keluarga Bukan Islam Berkaitan Upacara Pengebumian Jenazah</b> <i>The Interaction of Indian Muslim Converts with Non-Muslim's Family Regarding Funeral Rites</i> Mohd Faqih Baharudin, Zuliza Mohd Kusrin	1-10
<b>Analisis Konsep Ganjaran di dalam Sistem Transaksi Matawang Digital Menurut Perspektif Islam</b> <i>An Analysis of the Concept of Reward in the Digital Currency Transactions System from Islamic Perspective</i> Sheikh Ameer Shaik Mohd Zeferi, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	11-21
<b>Prospek Aplikasi Modal Teroka Islam dalam Koperasi di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur</b> <i>Prospects of Islamic Venture Capital Application in Cooperatives in Malaysia: A Literature Review</i> Azlin Alisa Ahmad, Khairul Fatihin	22-33
<b>Kedudukan dan Implikasi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam</b> <i>The Position and Implication of Article 3(1) Federal Constitution: Towards Strengthening the Sanctity of Islam</i> Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya, Muhammad Adib Samsudin	34-45
<b>Analisis Syariah Terhadap Kedudukan Bitcoin Sebagai Alat Pembayaran</b> <i>Sharia Analysis of the Bitcoin Status as Payment Method</i> Muhammad Amir Husairi Che Rani, Ahmad Dahlan Salleh	46-64

Journal of Contemporary Islamic Law

(2019)Vol. 4(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin  
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda  
Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2019), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 4(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).  
You can download an electronic version online. You  
are free to copy, distribute and transmit the work  
under the following conditions: Attribution – you  
must attribute the work in the manner specified by  
the author or licensor (but not in any way that  
suggests that they endorse you or your use of the  
work); Noncommercial – you may not use this work  
for commercial purposes; No Derivate Works – you  
may not alter, transform, or build upon this work.